

3.6 Instrumen pembayaran

A Pilih dan tuliskan jenis instrumen pembayaran bagi setiap yang berikut. **TP2**

e-dompot	Kad prabayar	Tunai	Kad kredit
Cek	Kad debit	Perbankan Internet	Wang pos

1. Perintah bertulis kepada bank supaya membayar jumlah khusus yang dinyatakan.

2. Belanja dahulu dan bayar kemudian kepada bank dan pengeluaran kad.

3. Bayaran dibuat menggunakan wang sedia ada secara isian semula (*top-up*).

4. Transaksi pembayaran dan perkhidmatan melalui akaun dalam talian menggunakan Internet.

5. Bayaran melalui akaun simpanan menggunakan kad.

6. Pembayaran tanpa tunai menggunakan aplikasi di dalam peranti elektronik.

7. Mewakili wang tunai untuk dihantar kepada penerima tertentu yang dikeluarkan oleh pejabat pos,

8. Bayaran terus menggunakan wang kertas dan wang syiling.

B Nyatakan jenis instrumen pembayaran yang sesuai bagi urusan pembelian yang berikut. **TP2**

Situasi	Jenis instrumen pembayaran
1. Membeli barang di pasar raya.	
2. Membayar tol.	
3. Membayar bil elektrik.	
4. Membayar gaji pekerja.	
5. Membeli makanan di kantin sekolah.	